

Syarat kakitangan

BH 20 MAY 2001

Oleh NADZIM AHMAD
JAMALLUDIN

KUALA LUMPUR: Kakitangan awam yang bersara sebelum 1 Oktober ini, tidak berpeluang melanjutkan perkhidmatan setahun lagi atau bersara pada usia 56 tahun seperti yang dipersetujui Kabinet, baru-baru ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata jika tarikh penguatkuasaan usia persaraan kakitangan awam dilaksanakan mulai 1 Oktober ini, hanya mereka yang bersara pada

tarikh itu dan selepasnya akan diberi pilihan untuk bersara pada usia 55 atau 56 tahun.

"Walaupun had usia persaraan dinaikkan, kakitangan awam akan diberi pilihan untuk memilih bersara pada usia 55 atau 56 tahun kerana mungkin ada yang hendak bersara pada usia 55 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melepaskan peserta pertandingan mencari harta karun anjuran Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia

(PPTD) di pekarangan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dekat sini, pagi semalam.

Turut hadir Presiden PPTD yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Aseh Che Mat.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan OM, baru-baru ini dilaporkan berkata, kerajaan setuju menaikkan had umur bersara kepada 56 tahun dan jangka berkuat kuasa Oktober ini.

Berikutan itu, Akta Pencen 1980 yang menetapkan kakita-

ngan awam bersara wajib sehingga usia 55 tahun dijangka dipinda di Parlimen, Julai depan.

Sebelum ini, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) mencadangkan kerajaan melanjutkan usia persaraan kepada 60 tahun.

Bagaimanapun, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, berkata tuntutan usia 60 tahun itu tidak perlu dibangkitkan lagi kerana penetapan usia

lanjuttarikh bersara

56 tahun sebagai usia bersara wajib, termasuk kepada pensvarah diterima selepas berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 14 Mac lalu.

Selain itu, katanya, usia itu memadai kerana dapat menyeimbangkan kehendak serta pasaran kerja sektor awam.

Ditanya mengenai tinjauan kerajaan terhadap reaksi kakitangannya berhubung keputusan menaikkan had usia persaraan itu, Samsudin berkata, berdasarkan reaksi yang diterimanya dari

pada pegawai dan kakitangan kerajaan, ramai yang gembira kerana dapat menyambung perkhidmatan sehingga mencapai usia 56 tahun.

"Malah daripada maklum balas, ramai yang meminta kerajaan meluluskan permohonan mereka untuk bersara pilihan pada usia 56 tahun apabila dilaksanakan," katanya.

Mengulas sama ada kerajaan akan melakukan kajian impak terhadap pelaksanaan menaikkan usia persaraan itu, Samsudin ber-

kata, kerajaan akan meneliti kesan pelaksanaannya.

Sementara itu, mengulas kekosongan jawatan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berikutan persaraan Datuk Noordin Abdul Razak sejak Mei tahun lalu, beliau berkata, jawatan itu akan diisi tidak lama lagi.

"Terpulang kepada DBKL sendiri kerana ia Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mempunyai peraturan dan undang-undang sendiri," katanya.